

# ELOSONE LOTION

Mometasone Furoate (0.1% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ELOSONE LOTION
2. Bagaimana ELOSONE LOTION berfungsi
3. Sebelum menggunakan ELOSONE LOTION
4. Cara menggunakan ELOSONE LOTION
5. Semasa menggunakan ELOSONE LOTION
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ELOSONE LOTION
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan ELOSONE LOTION

ELOSONE LOTION digunakan untuk merawat penyakit kulit yang menunjukkan ciri radang/kegatalan. Masalah kulit ini responsif terhadap kortikosteroid.

## Bagaimana ELOSONE LOTION berfungsi

ELOSONE LOTION mengandungi ubat yang dipanggil Ia tergolong dalam sekumpulan ubat yang dipanggil kortikosteroid. Ia mempunyai tindakan anti-inflamasi, anti kegatalan dan pengecutan salur darah.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

## Sebelum menggunakan ELOSONE LOTION

### -Bila tidak boleh menggunakan

### **Jangan gunakan ELOSONE LOTION sekiranya:**

- Anda alergi (hipersensitif) terhadap Mometasone Furoate, kortikosteroid yang lain atau apa-apa bahan dalam ubat ini.

### -Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda jika anda:

- mempunyai jangkitan pada kulit anda dan nyatakan kawasan yang dijangkiti.
- menggunakan mana-mana produk kulit yang lain.
- mempunyai kekaburan kanta mata
- mempunyai penipisan kulit
- mempunyai kencing manis
- mempunyai peningkatan tekanan mata
- mempunyai batuk kering

### **Kehamilan dan penyusuan:**

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu.
- Kortikosteroid topikal tidak boleh digunakan secara meluas dalam jumlah yang besar atau untuk jangka masa panjang dalam wanita hamil.
- Kortikosteroid topikal tidak boleh digunakan pada payudara sebelum menyusu.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan ELOSONE LOTION

Selalu menggunakan ELOSONE LOTION seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Anda harus bertanya dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti penggunaannya.

### -Berapa banyak harus digunakan

Titiskan beberapa titis ELOSONE LOTION pada bahagian kulit yang terjejas, termasuk kulit kepala, sekali sehari sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau farmasi. Urut bahagian tersebut dengan perlahan-lahan sehingga ubat meresap ke dalam kulit.

### -Bila perlu digunakan

Guna ubat apabila kawasan yang terjejas telah kering dan bersih.

### -Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk tempoh rawatan.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya. Jangan menggandakan dos untuk mengganti dos yang tertinggal.

### -Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Steroid boleh meresap melalui kulit anda. Terlalu banyak ELOSONE LOTION yang meresap melalui kulit anda boleh menghasilkan kesan sistemik seperti penindasan kelenjar adrenal, manifestasi sindrom *Cushing*, peningkatan paras gula dalam darah dan kehadiran gula dalam air kencing.

Jika anda menggunakan terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

### **Semasa menggunakan ELOSONE LOTION**

#### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan ELOSONE LOTION.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan di dalam mata.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan, sensitiviti dan dapatkan nasihat doktor.

Langkah berjaga-jaga yang sesuai perlu diambil semasa rawatan yang berpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan yang luas, apabila menggunakan teknik balutan dan apabila merawat bayi dan kanak-kanak (disebabkan nisbah jumlah luas permukaan kepada berat badan yang lebih besar).

Penggunaan kortikosteroid topikal pada kanak-kanak harus dihadkan kepada jumlah paling kecil yang sesuai dengan terapi yang berkesan. Terapi kortikosteroid jangka panjang mungkin mengganggu pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, ELOSONE LOTION boleh mendatangkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Reaksi advers tempatan yang dilaporkan termasuk badan berasa pedih, gatal, keradangan folikel rambut, jerawat dan tanda-tanda penipisan kulit.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan ELOSONE LOTION**

#### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.  
Tutup dengan rapat.  
Lindungi daripada cahaya.  
Jauhi daripada kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

#### **Maklumat lanjut**

### **Rupa dan warna ELOSONE LOTION**

ELOSONE LOTION adalah cecair sedikit likat dan boleh didapati dalam 30ml plastik botol.

#### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:  
Mometasone Furoate 0.1% w/w

-Bahan-bahan tidak aktif:  
White Soft Paraffin dan Liquid Paraffin.

-Nombor MAL: MAL07090939AZ

### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

27/08/2018

### **Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)170818/00242